

Bitcoin: Analisis Mata Wang Maya Menurut Perspektif *Siyāsah Shar'iyah*

Bitcoin: An Analysis on Virtual Currency from Siyāsah Shar'iyah Perspective

MUHAMMAD AMIR HUSAIRI CHE RANI, Universiti Kebangsaan Malaysia

AHMAD DAHLAN SALLEH, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

*Bitcoin adalah salah satu daripada mata wang maya yang sangat popular dalam komuniti maya. Muncul dengan pelbagai inovasi dalam fokus mengubah sistem monetari dunia, bitcoin berhadapan dengan kekangan legitimasi, ketiadaan regulasi dan menjadi wadah kepada aktiviti pelanggaran undang-undang. Secara umumnya, artikel ini akan memfokuskan perbincangan tentang mekanisme operasi bitcoin serta masalah dan mafsadah yang wujud dalam sistem kewangan bitcoin dalam langkah merealisasikan konsep *hiḏ al-Māl*. Selain itu, kertas ini juga menyenaraikan beberapa pandangan ilmuwan Islam dan beberapa fatwa berkaitan status bitcoin menurut syariah dan melakukan analisis terhadap relevansi penggunaan bitcoin sebagai alat pembayaran menurut perspektif *siyāsah shar'iyah*. Hasil perbincangan ini menjelaskan hujah dan sebab serta hukum penggunaan bitcoin sebagai mata wang dan alat pembayaran menurut Shariah.*

Kata kunci: Bitcoin, masalah dan mafsadah, fatwa, hiḏ al-māl, siyāsah shar'iyah

ABSTRACT

*Bitcoin is the most popular virtual currency in a virtual community. Appearing with various innovations that focus on transforming the worldwide monetary system, bitcoin is confronted with legitimacy constrain, absence of regulation and becomes a platform of legal violation. In general, this article will discuss on the mechanism of bitcoin operation as well as masalah (best interest) and mafsadah (harm) that exist in the bitcoin financial system in the actualization of the concept of *hiḏ al-Māl* (safeguarding properties). Moreover, this article also lists some views of Islamic scholar and fatwas related to the status of bitcoin according to Shariah and conduct analysis on the relevance of bitcoin usage as a medium of payment according to the perspective of *siyāsah shar'iyah*. The outcome of this discussion explains the arguments, reasons and the laws of bitcoin usage as currency and means of payment according to Shariah.*

Keywords: Bitcoin, masalah and mafsadah, fatwa, hiḏ al-māl, siyāsah shar'iyah

PENGENALAN

Bitcoin merupakan salah satu daripada mata wang maya yang menjadi fenomena baharu di seluruh pelusuk dunia pada masa kini. Kemunculan *bitcoin* pada 2009 dianggap sebagai mata wang alternatif kepada mata wang *fiat* yang sedia ada dalam urusan niaga di abad ini. Dengan berpaksikan kepada konsep *freedom of payments*, permintaan kepada *bitcoin* melonjak naik kerana pengguna *bitcoin* bebas melakukan transaksi. Penggunaan kriptografi yang mengawal pergerakan *bitcoin* menjadikan *bitcoin* mata wang global pertama yang tidak diregulasi oleh mana-mana agensi berautoriti (Meera 2018). Tanpa regulasi kerajaan pengguna *bitcoin* tidak perlu risau kepada peruntukan dan sekatan undang-undang dalam urusan niaga yang dilakukan.

Kemunculan *bitcoin* sebagai mata wang disentralisasi pertama di dunia telah menarik minat pelabur dalam menggunakan *bitcoin* sebagai alat pembayaran. Sebanyak 10,000 urusan niaga direkodkan menerima *bitcoin* sebagai alat pembayaran dalam urusan niaga mereka. Tambahan lagi terdapat pandangan mengatakan bahawa *bitcoin* adalah mata wang yang halal menurut perundangan Islam (Meera 2018). Ini dapat merancakkan lagi penggunaan *bitcoin* sebagai alat pembayaran dalam

kalangan umat Islam. Namun adakah *bitcoin* benar-benar halal menurut perundangan Islam? Adakah *bitcoin* mata wang yang selamat digunakan dalam urusan niaga sebagai alat pembayaran? Persoalan ini timbul setelah berlaku beberapa permasalahan yang melibatkan urusan niaga *bitcoin* seperti penggunaan *bitcoin* sebagai alat pembayaran dalam urusan niaga narkotik yang menyalahi undang-undang dan kehilangan *bitcoin* semasa proses pertukaran di *Mt. Gox* pada Februari 2014 (Yermack 2014).

Kertas ini akan membincangkan penggunaan *bitcoin* sebagai mata wang dan alat pembayaran menurut perspektif syariah. Selain itu, kertas ini membincang relevansi *bitcoin* sebagai mata wang perlu milik menurut *maqāṣid al-Sharīah* dengan membandingkan antara *maṣlahah* dan *mafsadah*. Tambahan lagi, analisis terhadap status *bitcoin* sebagai mata wang yang diiktiraf oleh negara menurut *siyāsah shar'iyah* akan dilakukan dengan melakukan pertimbangan antara *maṣlahah* dan *mafsadah* bagi mengenalpasti status relevansi *bitcoin* sebagai mata wang yang baik atau tidak.

BITCOIN DAN MEKANISME OPERASI

Bitcoin adalah satu versi wang tunai elektronik yang membolehkan pembayaran secara dalam talian

dilaksanakan antara dua pihak secara terus tanpa perlu melalui institusi kewangan sebagai perantara (Nakamoto 2008). *Bitcoin* dicipta pada tahun 2008 oleh individu yang tidak dikenali yang menggunakan nama samaran, *Satoshi Nakamoto*. Mata wang ini tidak bergantung kepada mana-mana pihak berkuasa pusat. *Bitcoin* bergantung sepenuhnya kepada prinsip-prinsip kriptografi. Nama *bitcoin* juga merujuk kepada perisian bebas bagi menggunakan *coin* ini menerusi melalui rangkaian *peer to peer*. Tidak seperti mata wang *fiat*, *bitcoin* tidak mendasarkan kepercayaan kepada pengeluar pusat bahkan *bitcoin* menggunakan pangkalan data yang diedarkan kepada rangkaian *peer-to-peer* untuk transaksi dengan menggunakan kriptografi yang menyediakan fungsi asas keselamatan seperti memastikan *bitcoin* hanya boleh dibelanjakan orang yang memilikinya pada satu-satu masa. Operasi pengeluaran *bitcoin* ini akan berhenti apabila ia akan mencapai 21 juta unit untuk mengelakkan hiperinflasi (Alberts & Fry 2015; Bohme et al. 2015; Negurita 2014).

Bagi mendapatkan *bitcoin*, ahli komuniti maya boleh membeli *bitcoin* dengan wang konvensional di syarikat yang menyediakan perkhidmatan penukaran wang *fiat* dengan *bitcoin* seperti *CoinBase*, *Luno* dan *Bitstamp* atau dengan *mining bitcoin* dengan menggunakan komputer untuk “memburu” nombor yang terdiri dari 64 digit. Selepas menyelesaikan banyak teka-teki, pengguna akan bersaing dengan pengguna lain untuk menjana nombor yang dicari oleh rangkaian *bitcoin*. Jika komputer menjumpai nombor ini, maka pengguna tersebut akan mendapat 25 *bitcoin*. Proses ini melibatkan pengiraan matematik yang sangat rumit (Alberts & Fry 2015; Negurita 2014).

Sistem *Bitcoin* berfungsi melalui gabungan kunci asimetri *public key* dan *private key* dan *peer-to-peer*. Pengguna akan mendapatkan dua kunci matematik “berkait”, *private key* yang disimpan di dalam komputer dan *public key* yang dihantar kepada pengguna yang mengharapkan wang. Ini bagi memastikan keselamatan transaksi dan kerahsiaan pengguna. Setiap transaksi akan direkodkan di dalam *public ledger* yang digelar *blockchain*. *Blockchain* ini akan muncul di dalam setiap komputer individu yang terlibat dengan rangkaian *bitcoin*. Identiti individu yang terlibat dalam transaksi *bitcoin* tidak akan terdedah kerana sistem *bitcoin* mengamalkan konsep *anonymity*. Setiap transaksi *bitcoin* adalah *anonymous* walaupun transaksi tersebut direkod dalam *blockchain*. Maklumat tentang individu yang terlibat dalam transaksi juga *anonymous*. Sesuai dengan identiti pembangun sistem *bitcoin*, *Satoshi Nakamoto*, yang *anonymous*, sistem *bitcoin* direka secara *anonymous* bagi memberi kebebasan dalam melakukan transaksi kepada penggunaanya (Alberts & Fry 2015; Godsiff 2015; Hurlburt & Bojanova 2014; Nakamoto 2008; Negurita 2014).

Dengan adanya konsep *anonymity*, pengguna *bitcoin* bebas melakukan transaksi tanpa perlu

melalui institusi kewangan sebagai pihak ketiga. Namun, dengan wujudnya *anonymity* dalam sistem *peer-to-peer bitcoin* yang melindungi data maklumat peribadi pengguna, kebebasan menjalankan transaksi menggunakan *bitcoin* sebagai mata wang telah disalah ertikan. Contohnya portal *Silk Road*, pasaran kepada penjualan narkotik dan senjata telah ditutup oleh FBI pada 2013, menggunakan *bitcoin* sebagai alat pembayaran. Selain itu, perjudian juga timbul dan membesar dengan wujudnya *bitcoin* sebagai mata wang yang melindungi maklumat privasi pelanggan. Antara laman perjudian popular yang menggunakan *bitcoin* sebagai alat pembayaran adalah *Satoshi Dice* yang beroperasi sejak tahun 2012. Pengarah urusan *BitInstants* ditangkap pada Januari 2014 kerana melakukan pengubahan wang haram (Bohme et al. 2015; Kancs, Ciaian & Rajcjanova 2015; Luther & White 2014). *Bitcoin* juga digunakan untuk membiayai aktiviti keganasan. Sebagai contoh, salah satu hasil utama *Daesh* adalah ‘sedekah’ yang disumbangkan menggunakan mata wang maya dengan melakukan pemindahan *bitcoin* kepada akaun *bitcoin* milik *Daesh* (Hasbi & Mahzam 2018; Jawhar 2016; Sen & Akarslan 2018).

Seperti mata wang *fiat*, *bitcoin* yang dimiliki akan disimpan untuk kegunaan masa hadapan. Tujuan utama penyimpanan *bitcoin* adalah untuk melindungi *bitcoin* yang dimiliki daripada kecurian. Mata wang *fiat* boleh disimpan di bank kerana mata wang *fiat* wujud dengan fizikal namun dengan idea menyembunyikan *bitcoin* di bawah tilam atau di tempat lain tidak dapat dilaksanakan, kerana *bitcoin* tidak mempunyai manifestasi fizikal. *Bitcoin* perlu disimpan dalam satu perisian komputer yang lengkap dengan tahap sekuriti tinggi iaitu *virtual wallet* sama ada disimpan dalam komputer atau telefon pintar. Bagi mengakses *virtual wallet* pengguna perlu memasukkan *private key* sebagai kunci keselamatan dalam akses penggunaan *bitcoin* (Elasrag 2019; Ghysels & Nguyen 2018; Hurlburt & Bojanova 2014; Nakamoto 2008; Negurita 2014; Yermack 2014).

Namun tahap keselamatan *virtual wallet bitcoin* sering menjadi sasaran kepada penjenayah siber dan tiada undang-undang untuk memberi bantuan jika berlaku penggodaman ke atas *virtual wallet*. Pemilik *bitcoin* boleh kehilangan mata wang maya mereka menerusi pencurian dalam talian. Disember 2013 menyaksikan 96000 *bitcoin* dicuri dari *Sheep Marketplace*, laman web dadah secara dalam talian di China. Seorang pemimpin bertaraf dunia telah jatuh muflis ketika melakukan transaksi pertukaran *bitcoin*. Nilai *bitcoin* 400 juta USD telah hilang kerana berlaku kegagalan dalam rangkaian *Mt. Gox* pada Februari 2014. Penggodaman *NiceHash* yang berpangkalan di Slovenia pada penghujung 2017 menyaksikan kecurian *bitcoin* yang bernilai 70 juta USD. *Coincheck* turut menjadi mangsa penggodaman oleh penjenayah siber yang mengakibatkan kehilangan *bitcoin* yang bernilai 530 juta USD. Pada 7 Mei 2019 penggodaman berlaku di

Binance, salah satu laman pertukaran mata wang kripto terbesar di dunia, yang mengakibatkan kehilangan 7000 *bitcoin* yang bersamaan lebih dari 40 juta USD (Acharya, Thomas & Pani 2018; Corbet et al. 2019; Kancs, Ciaian & Rajcianova 2015; Kharpal 2019; Luther & White 2014; Meera 2018; Yermack 2014).

STATUS REGULASI *BITCOIN* DI PERINGKAT ANTARABANGSA

Status *bitcoin* sebagai mata wang baru di peringkat global masih belum dapat dipastikan kerana ketiadaan kesepakatan dalam regulasi antarabangsa. *Internal Revenue Service* (IRS) sebelum ini mengatakan bahawa dikategorikan sebagai *barter* dalam urusan niaga. Namun IRS telah mengisytiharkan bahawa *bitcoin* dan mata wang maya lain sebagai harta yang dicukaikan dan setiap operasi yang melibatkan *bitcoin* dan mata wang maya lain akan dikenakan cukai. Mata wang maya termasuk *bitcoin* di Amerika Syarikat tertakluk kepada regulasi undang-undang persekutuan dan negeri. Di peringkat persekutuan, syarikat perniagaan *bitcoin* perlu didaftarkan sebagai *money transmitter* dengan *Finance Crimes Enforcement Network* (FinCen). Di peringkat negeri pula syarikat yang menyediakan perkhidmatan mata wang digital perlu memperoleh lesen di setiap negeri. Pihak *FinCen* mengiktiraf pertukaran *bitcoin* sebagai perkhidmatan kewangan dan bukannya mata wang dalam erti kata sebenar (Bodarenko, Kichuk & Antonov 2019; Godsiff 2015; Kancs, Ciaian & Rajcianova 2015; Likhuta et. al 2017; Luther 2019; Pragoyo 2018; Xie 2019).

European Union (EU) tidak memberi kepastian akan status *bitcoin*. *European Commission* pada 22 Oktober 2015 telah membuat keputusan bahawa transaksi pertukaran antara mata wang tradisional dengan *bitcoin* dan sebaliknya adalah dibenarkan dan transaksi tersebut tergolong dalam pengecualian cukai. Pada 12 Februari 2018 EU memberi amaran kepada pengguna berkenaan mata wang maya bahawa mata wang tersebut sangat berisiko dan sebuah produk yang tidak diregulasi dan tidak sesuai dijadikan pelaburan simpanan dan produk perancangan persaraan. Pada 8 Mac 2018 pihak *European Commission* telah membentangkan Pelan Tindakan dalam memanfaatkan peluang yang dibentangkan oleh inovasi teknologi kewangan dalam perkhidmatan kewangan seperti *blockchain*, *artificial intelligence* dan *cloud services*. Namun presiden Bank Pusat Eropah, *Mario Draghi* memberi amaran bahawa *bitcoin* dan mata wang digital lain adalah aset yang sangat berisiko berdasarkan kepada kadar volatiliti yang tinggi dan spekulasi harga (Bodarenko, Kichuk & Antonov 2019; Godsiff 2015; Jeans 2015; Kancs, Ciaian & Rajcianova 2015; Library of Congress 2018; Likhuta et. al 2017; Luther 2019; Pragoyo 2018; Xie 2019).

Finland mempertimbangkan bahawa *bitcoin* adalah komoditi yang bernilai dan tidak mempunyai

regulasi spesifik terhadap mata wang maya. Beberapa agensi telah mengeluarkan kenyataan tentang pandangan dan nasihat mereka tentang mata wang maya. Pihak Bank Pusat Finland telah mengeluarkan kenyataan pada 2014 bahawa mata wang maya terutama *bitcoin* sememangnya berkait rapat dengan risiko. Pihak Bank mengatakan penggunaan *bitcoin* tidak diselia dan dikawal serta bukanlah alat pengukur nilai seperti yang ditetapkan dalam akta perkhidmatan pembayaran. *The Finnish Financial Supervisory Authority* pada 2017 telah mengeluarkan kenyataan bahawa mata wang maya adalah pelaburan alternatif yang berisiko. Badan ini turut menyatakan pernyataan berdasarkan *initial coin offering* (ICO) bahawa kemungkinan terdapat kesan pengawalseliaan bagi mematuhi peraturan EU dalam Dana Pelaburan Alternatif. Pada 2017 satu laporan telah dikeluarkan oleh bank pusat menunjukkan bank pusat cukup positif terhadap *bitcoin* dan melaporkan bahawa *bitcoin* sebagai revolusi. Rentetan dari itu *bitcoin* diterima sebagai perkhidmatan kewangan yang tidak dikenakan cukai di Finland (Kancs, Ciaian & Rajcianova 2015; Library of Congress 2018; Pragoyo 2018).

Jerman pada mulanya mengiktiraf *bitcoin* sebagai mata wang persendirian. Namun *The German Federal Financial Supervisory Authority* (BaFin) menyatakan bahawa mata wang maya atau mata wang kripto adalah alat pengukur nilai dan sekaligus sebagai instrumen kewangan. Syarikat dan individu yang mengatur pengambilalihan token sama ada menjual atau membeli token secara komersial atau menjalankan perkhidmatan pembrokeran utama dalam token melalui platform pertukaran perlu mendapat kebenaran daripada BaFin terlebih dahulu. Kementerian Kewangan Jerman juga pada Februari 2018 juga menerbitkan panduan mengenai percukaian terhadap *bitcoin* dan mata wang maya lain. Pihak *Bundesbank* mengesyorkan *bitcoin* dipanggil *crypto-token* yang menunjukkan bahawa *bitcoin* sah digunakan di Jerman (Godsiff 2015; Jeans 2015; Kancs, Ciaian & Rajcianova 2015; Library of Congress 2018; Pragoyo 2018).

Denmark pada mulanya mengatakan *bitcoin* bukanlah mata wang mahupun aset. Pada 2017 pihak *Financial Supervisory Authority* Denmark mengatakan bahawa mata wang maya digunakan sebagai alat pembayaran semata-mata dan tidak akan diregulasi oleh badan tersebut. Namun Badan Percukaian Denmark pada 2018 menyatakan kerugian yang dialami dalam pelaburan *bitcoin* tidak dikira sebagai cukai dan segala keuntungan yang diperoleh menjadi sumber percukaian (Library of Congress 2018).

Pihak bank dan institusi pembayaran China telah melarang dan menyekat sebarang urusan yang melibatkan *bitcoin*. Institusi kewangan dan pembayaran dilarang mengukur nilai barangan dan perkhidmatan menggunakan *bitcoin*. Penjualan, pembelian, pertukaran dan segala perkara yang berkait dengan *bitcoin* adalah dilarang. Pada 4

September 2017 tujuh regulator kerajaan China telah mengumumkan larangan ketat terhadap *bitcoin* dan mata wang maya lain. Pihak bank dan institusi kewangan melarang segala urusan berkaitan *bitcoin* seperti penjualan, pembelian dan pertukaran *bitcoin* dengan *yuan* China atau mata wang asing lain. September 2017 juga menyaksikan kerajaan China telah menutup platform pertukaran dan perdagangan mata wang kripto. Kerajaan China sekali lagi pada Januari 2018 telah mengenakan larangan ketat terhadap *bitcoin* dan mata wang maya lain dengan menyekat aktiviti *mining* (Bodarenko, Kichuk & Antonov 2019; Godsiff 2015; Jeans 2015; Library of Congress 2018; Luther & White 2014; Xie 2019; Zhang 2018).

Kerajaan Rusia menghalang penggunaan *bitcoin* sebagai alat pembayaran dan menyekat proses pertukaran mata wang *bitcoin*, namun satu draf undang-undang berkenaan aset kewangan digital telah diterbitkan oleh Kementerian Kewangan Rusia pada 20 Januari 2018 yang memperuntukkan aktiviti *mining* sebagai aktiviti yang bertujuan mewujudkan mata wang kripto dengan tujuan menerima pampasan dalam bentuk mata wang kripto. *Mining* dianggap sebagai aktiviti keusahawanan yang tertakluk kepada cukai jika *miner* melebihi had penggunaan tenaga yang ditubuhkan oleh kerajaan selama tiga bulan berturut-turut. Mata wang kripto seperti *bitcoin* diklasifikasi dalam rang undang-undang sebagai harta tidak dianggap sebagai *legal tender*. Rang undang-undang tidak membenarkan pertukaran mata wang kripto dengan *ruble* Rusia atau mata wang asing kecuali melalui platform yang berlesen dan mendaftar dibawah kerajaan Rusia. *Bitcoin* dan mata wang kripto lain dikategorikan sebagai harta yang dicukaikan berdasarkan pindaan undang-undang pada 1 Julai 2018 (Bodarenko, Kichuk & Antonov 2019; Jeans 2015; Library of Congress 2018).

Banque de France pada 2013 telah menerbitkan laporan bahawa *bitcoin* tidak dipertimbang sebagai mata wang atau alat pembayaran di bawah undang-undang Perancis buat masa itu. Pada 2014 penjualan dan pembelian mestilah dilakukan secara berlesen dan diiktiraf oleh *Prudential Supervisory Authority* (ACPR). The French Financial Market Authority (AMF) dan *Prudential Supervisory Authority* (ACPR) pada 2017 mengatakan pembelian dan penjualan serta pelaburan *bitcoin* tidak termasuk dalam mana-mana pasaran yang dikawal selia. Pihak AMF pada Mac 2018 telah memberi amaran kepada pelabur mengenai risiko pembelian aset digital dari sumber yang tidak berdaftar. Kerajaan Perancis pada April 2019 memperkenalkan cara baru dalam mengulangi mata wang kripto. Setiap pembekal perkhidmatan yang membekalkan aset digital kepada pihak ketiga atau menjalankan urusan niaga tukaran aset digital dengan *legal tender* perlu mendapatkan lesen dari AMF atau tindakan akan diambil. Setiap pembekal aset digital yang tidak mendapat lesen dan pengesahan akan dilarang dari menaungi, membiayai dan menjalankan aktiviti yang berkait dengan aset

digital (Bodarenko, Kichuk & Antonov 2019; Boring 2018; Godsiff 2015; Helms 2019; Library of Congress 2018).

Kerajaan Korea Selatan telah melaksanakan undang-undang yang membenarkan transaksi urusan niaga menggunakan mata wang kripto termasuk *bitcoin* menerusi akaun bank dengan nama sebenar bermula pada 30 Januari 2018. Peniaga mata wang kripto perlu mempunyai kontrak dengan pihak bank berkenaan perdagangan mata wang kripto. Pengurusan dan sistem sekuriti siber pedagang mata wang kripto akan diuji oleh pihak bank sebelum menandatangani kontrak. Bagi memastikan peniaga mata wang kripto melakukan deposit ke dalam *e-wallet*, peniaga tersebut perlu mempunyai akaun di bank yang mana pedagang mata wang kripto mempunyai akaun di bank tersebut. Pihak bank akan memeriksa identiti pelanggan mata wang kripto semasa membuka akaun bank dan laporan peniaga mata wang kripto bagi pihak pelanggan. Pelanggan juga boleh menyemak maklumat peribadi peniaga mata wang kripto dari pihak bank semasa melakukan pendaftaran akaun. Peniaga mata wang kripto yang *anonymous* boleh membuat pengeluaran dari akaun mata wang kripto mereka tetapi tidak boleh melakukan deposit baru. Pada 20 Februari 2018 pihak Financial Supervisory Service mengatakan bahawa kerajaan menyokong perdagangan mata wang kripto dan menggalakkan institusi kewangan untuk memudahkan transaksi pertukaran mata wang kripto (Library of Congress 2018).

India memberi amaran kepada pengguna dari menggunakan *bitcoin* dan setiap perdagangan yang melibatkan *bitcoin* adalah menyalahi undang-undang. dan pada awal 2018 India memperuntukkan bahawa mata wang kripto seperti *bitcoin* bukanlah *legal tender*. Jawatankuasa antara menteri-menteri India telah merangka rang undang-undang untuk mengharamkan mata wang kripto seperti *bitcoin*. *Subhash Chandra Garg*, setiausaha kewangan yang mengetuai jawatankuasa tersebut sebelum ini telah mengeluarkan amaran kepada pelaburan dalam mata wang kripto. Walaupun rang undang-undang baru di peringkat rundingan namun prospek jangka panjang tidak menjanjikan keputusan yang baik terhadap mata wang kripto di India (Jeans 2015; Library of Congress 2018; NewsBTC 2019).

Kanada membenarkan penggunaan mata wang kripto termasuk *bitcoin*. Berdasarkan kepada *Financial Consumer Agency of Canada* individu di Kanada boleh menggunakan mata wang digital sebagai alat pembayaran dalam mendapatkan barangan dan perkhidmatan dalam urusan niaga *online* dan di kedai yang menerima mata wang digital. Penjualan dan pembelian mata wang digital juga dibenarkan pada pertukaran terbuka. Walau bagaimanapun mata wang kripto termasuk *bitcoin* bukanlah *legal tender* di Kanada. *The Canada Revenue Agency* (CRA) menyifatkan mata wang kripto sebagai komoditi dan bukan mata wang yang diterbitkan oleh kerajaan (Bodarenko, Kichuk &

Antonov 2019; Jeans 2015; Library of Congress 2018)

Bank Negara Jepun pada Mac 2014 mulanya tidak mempunyai rancangan dalam meregulasi *bitcoin*. Namun selepas berlaku kemuffisan di bursa *Mt. Gox* badan berautotiti Jepun menyuarakan pendapat dalam meregulasi *bitcoin*. Bermula pada 2016 Jepun mula mengiktiraf *bitcoin* sebagai *legal tender*. Akta Perkhidmatan Pembayaran yang telah dipinda pada Jun 2016 mendefinisi mata wang kripto adalah harta bernilai yang boleh digunakan sebagai alat pembayaran dalam pembelian atau sewaan terhadap barangan dan perkhidmatan. Namun *bitcoin* dan mata wang kripto lain tidak termasuk sebagai instrumen percukaian di Jepun (Bodarenko, Kichuk & Antonov 2019; Godsiff 2014; Jeans 2015; Library of Congress 2018; Pragoyo 2018).

United Kingdom (UK) tidak mempunyai undang-undang spesifik dalam meregulasi mata wang kripto seperti *bitcoin*, *ethereum* dan lain-lain. Gabenor *Bank of England* melaporkan bahawa regulasi mata wang kripto adalah sangat diperlukan. Regulasi ekosistem aset kripto adalah tindakan terbaik bagi menangani kegiatan jenayah, menggalakkan intergriti pasaran dan menjamin keselamatan sistem kewangan. *Bitcoin* dan mata wang kripto lain merupakan salah satu instrumen percukaian di UK (Bodarenko, Kichuk & Antonov 2019; Library of Congress 2018; Pragoyo 2018).

Bank Negara Malaysia (BNM) pada 2 Januari 2014 telah mengeluarkan satu kenyataan bahawa *bitcoin* tidak diiktiraf sebagai *legal tender* di Malaysia dan pihak BNM tidak meregulasi operasi *bitcoin*. Pada 14 Disember 2017 BNM telah mengeluarkan polisi bahawa setiap transaksi yang melibatkan pertukaran mata wang digital tertakluk kepada *Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001* (AMLA). Namun pada 14 Januari 2019 pihak Kementerian Kewangan Malaysia telah mengumumkan bahawa *bitcoin* dan mata wang digital yang lain diregulasi oleh pihak kerajaan sebagai aset digital. Setiap aktiviti yang melibatkan *bitcoin* dan mata wang digital yang lain perlu mendapat kelulusan dari Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. *Bitcoin* hanya diiktiraf sebagai aset digital bukan *legal tender* (Bank Negara Malaysia 2014; Kementerian Kewangan Malaysia 2019; Law of Congress 2018).

Menurut laporan *Law of Congress* (2018) pihak *Bank of Thailand* pada 12 Februari 2018 telah mengeluarkan pekeliling meminta institusi kewangan menahan diri dari melakukan sebarang urusan niaga melibatkan mata wang kripto. *Bangkok Bank* telah menghentikan transaksi yang melibatkan pertukaran mata wang kripto dengan salah satu syarikat persendirian *Thai Digital Asset Exchange* (TDAX) pada 24 Februari 2018. Pada 27 Februari Krungthai Bank telah menghentikan transaksi berkaitan mata wang kripto dengan TDAX menerusi akaun bank. Pada 13 Mac 2018 satu undang-undang baru dalam

meregulasi mata wang kripto telah diwartakan. Kesemua transaksi aset digital termasuk pertukaran aset digital, *broker* dan *dealer* perlu didaftarkan dengan pihak berkuasa yang berkaitan. Penggunaan mata wang maya seperti *bitcoin* adalah sah menurut undang-undang Thailand, namun pihak bank melarang segala transaksi yang melibatkan mata wang maya termasuk *bitcoin*.

Pihak Bank Indonesia pada 13 Januari 2018 telah mengeluarkan amaran berkaitan pembelian, penjualan atau pertukaran mata wang maya. Mata wang maya termasuk *bitcoin* bukanlah alat pembayaran yang sah. Dari itu penggunaan mata wang maya di Indonesia adalah dilarang sama sekali. Mata wang maya seperti *bitcoin* mempunyai risiko yang sangat tinggi kerana sangat terdedah kepada risiko *bubble*, penggubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Mata wang maya juga berpotensi memberi impak kepada kestabilan sistem kewangan dan boleh membahayakan masyarakat (Library of Congress 2018; Pragoyo 2018).

Walaupun pihak Bank Dunia menggelar mata wang maya seperti *bitcoin* sebagai skim *Ponzi*, laman media sosial paling popular di dunia iaitu *Facebook* tetap akan melancarkan mata wang maya miliknya yang digelar *GlobalCoin* pada tahun 2020. *Microsoft* pula telah melancarkan pelaksanaan infrastruktur disentralisasi pertama yang bernama *Ion*. Infrastruktur tersebut dibina secara langsung di *bitcoin blockchain* (Cuen 2019; Davradakis & Santos 2019; Meera 2018; Zhao 2019).

Dengan kesamaran status *bitcoin* di peringkat antarabangsa ditambah lagi dengan keupayaan *anonymity bitcoin* sebagai wadah penyembunyian identiti untuk kegiatan jenayah dan keganasan serta kepekaan *bitcoin* kepada pelanggaran sekuriti siber menimbulkan persoalan tentang status penggunaan mata wang tersebut sebagai alat pembayaran alternatif sama ada sah atau tidak di sisi Syariah Islam.

BITCOIN: ANTARA MASLAHAH DAN MAFSADAH

Setiap penciptaan dan amalan dalam Islam perlu menepati objektif-objektif yang telah termaktub dalam al-Quran dan al-Sunnah. Pengamalan dan tindakan yang dilakukan mestilah berlandaskan kepada konsep penjagaan yang telah ditetapkan oleh *maqāsid al-Shar'ah* iaitu penjagaan dari segi agama, nyawa, keturunan, akal dan harta agar segala tindakan yang dilakukan menghasilkan *maslahah* kepada pelaku dan individu disekelilingnya (Al-Qaraḍāwī 2000; Al-Raysūnī 2010). Pengurusan mata wang juga perlu dilandaskan kepada konsep penjagaan harta atau *hiḏ al-Māl* agar setiap wang dimiliki bersih dan suci dari anasir-anasir yang menjerumus kepada larangan Allah.

Penggunaan *bitcoin* sebagai alat pembayaran alternatif dalam urusan niaga tentunya membawa *maslahah* kepada penggunaannya. Antara *maslahah*

yang wujud dalam penggunaan *bitcoin* sebagai alat pembayaran dalam urus niaga adalah:

1. Mata wang disentralisasi pertama di dunia dan *bitcoin* adalah mata wang hiperinflasi (Negurita 2014).
2. Konsep *peer-to-peer* yang membolehkan pengguna menjalankan urus niaga dengan bebas tanpa perlu melalui institusi kewangan sebagai pihak ketiga (Negurita 2014).
3. *Bitcoin* sedia digunakan pada bila-bila masa (Amarnath 2018).
4. Konsep *anonymity* memastikan identiti individu dan barangan yang terlibat dalam urus niaga kekal *anonymous* walaupun transaksi direkod dalam *blockchain* (Alberts & Fry 2015).
5. Kemudahan akses *virtual wallet* yang dilengkapi tahap sekuriti yang tinggi hanya menggunakan internet (Hurlburt & Bojanova 2014)

Namun, dengan kemudahan dan *maṣlahah* yang disediakan dalam sistem kewangan *bitcoin*, terdapat beberapa masalah yang membawa kepada *mafsadah* dalam penggunaannya sebagai alat pembayaran. Antaranya adalah:

1. Kesamaran status *bitcoin* sebagai *legal tender* di peringkat antarabangsa (Kancs, Ciaian & Rajcianova 2015).
2. Ketiadaan manifestasi fizikal yang membawa kepada unsur riba dan *gharar* (Abu Bakar, Rosbi & Uzaki 2017; Zahudi & Amir 2016).
3. Kemustahilan dalam memantau dan menjejak pergerakan mata wang *bitcoin* (Bodarenko, Kichuk & Antonov 2019).
4. Wujud laman perjudian *online* menggunakan *bitcoin* sebagai alat pembayaran dengan skala yang besar (Kancs, Ciaian & Rajcianova 2015)
5. Volatiliti harga *bitcoin* yang sangat ekstrim (Godsiff 2015).
6. Sekuriti *virtual wallet* sering menjadi sasaran penjenayah siber (Elasrag 2019).
7. Konsep *irreversible* memustahilkan pemulangan balik *bitcoin* yang hilang apabila berlaku keralatan atau kegagalan sistem *bitcoin* (Xie 2019).

FATWA DAN PANDANGAN ILMUAN ISLAM TERHADAP *BITCOIN*

Berdasarkan kepada *maṣlahah* dan *mafsadah* yang wujud dalam sistem kewangan maya *bitcoin* para ilmuwan Islam terbahagi kepada dua pendapat dalam membincangkan status mata wang maya ini menurut kaca mata Islam. *Muntadā al-Iqtisād al-Islāmi* (2018) menyatakan keharusan penggunaan *bitcoin* sebagai alat pembayaran kerana *bitcoin* adalah mata wang dan harta yang *mutaqawwim*. *Kahf* (2017) mengatakan *bitcoin* secara spesifik adalah mata wang yang sah. *Bitcoin* adalah mata wang yang tidak mengandungi unsur riba (Evans 2015). Adam (2017) mengatakan *bitcoin* adalah mata wang dan *bitcoin* diwajibkan zakat kerana ia mempunyai nilai monetari.

Abu Bakar (2018) mengatakan penggunaan *bitcoin* sebagai mata wang adalah diharuskan dan *bitcoin* dikategorikan sebagai harta menurut syariah. Ulama Afrika Selatan termasuk *Taha Karaan* telah memutuskan bahawa *bitcoin* dikira sebagai *māl* berdasarkan penerimaan umum. Ketiadaan regulasi juga tidak menjadi masalah buat *bitcoin* untuk dikira sebagai harta. *Darul Uloom Zakaria* mengatakan *bitcoin* adalah *māl* dan dibolehkan untuk digunakan sebagai mata wang. Mufti Afrika Selatan, Siraj Desai juga mengatakan *bitcoin* sah digunakan dalam urus niaga sama seperti wang sebenar (Mahomed & Mohamad 2017). Menurut Bakar (2019) penggunaan mata wang digital seperti *bitcoin* lebih dekat dengan konsep *maqāsid al-Sharī'ah* berbanding mata wang fiat.

Namun disebalik pandangan yang menyokong penggunaan *bitcoin* sebagai mata wang, terdapat pandangan dan fatwa yang mengharamkan penggunaan *bitcoin*. *Dār al-Iftā' al-Misriyyah* (2018) telah memfatwakan perdagangan mata wang *bitcoin* adalah haram syarie kerana *bitcoin* bukanlah instrumen pembayaran yang diterima umum kerana tidak dikeluarkan oleh mana-mana negara. Pengeluaran mata wang adalah hak mutlak pemerintah dan institusi kewangan rasmi sesebuah kerajaan. *Bitcoin* juga tidak menepati syarat dan ciri-ciri mata wang dan transaksi *bitcoin* terkandung unsur *gharar*, ketidaktahuan dan penipuan identiti pencipta *bitcoin*. Ciri-ciri dan nilai *bitcoin* tidak jelas yang membawa kepada *gharar*. *Bitcoin* juga dapat digunakan dengan mudah untuk transaksi yang melanggar undang-undang dan volatiliti *bitcoin* yang sangat tinggi membawa kepada *khaṭar* dan *ḍarar*. *Al-Hay'ah al-ʿAmmah li al-Shu'ūn al-Islāmiyyah wa al-Awqāf* (2018) juga turut memfatwakan pengharaman penggunaan *bitcoin* kerana ia tidak menepati Shariah dan undang-undang. *Dār al-Iftā' al-Filistiniyyah* (2018) mengatakan haram melakukan transaksi menggunakan *bitcoin* kerana wujud perbezaan nilai yang sangat ketara. *Bitcoin* tidak mempunyai *ʿillat al-thamaniah* kerana *bitcoin* tidak diterima umum sebagai mata wang. Penjualan dan pembelian *bitcoin* tergolong dalam *bayʿ al-majhūl* dan *bayʿ al-gharar* yang dilarang dalam Islam. Penggunaan *bitcoin* adalah haram kerana mengandungi *gharar fāhish* yang membawa kepada perjudian.

Menurut *Turkey Directorate of Religious Affairs* atau *Diyanet* (2017) penjualan dan pembelian mata wang maya seperti *bitcoin* tidak menepati syariah kerana terkandung unsur spekulasi dan *bitcoin* dengan mudah digunakan untuk kegiatan yang melanggar undang-undang seperti penggubahan wang haram. *Majlis al-Ulama* Afrika Selatan menolak pendapat yang mengiktiraf *bitcoin* sebagai mata wang. *Majlis al-Ulama* mengatakan mata wang yang diiktiraf syariah adalah mata wang yang legal di sisi kerajaan. Larangan menggunakan *bitcoin* kerana pemilikan dan pertukaran *bitcoin* melibatkan perjudian. *Wifaqul Ulama, Haitham al-Haddad, Dār al-Iftā' Deoband, Imran Husain* dan *Assim al-*

Hakeem turut menyatakan bahawa *bitcoin* adalah haram kerana tidak dikeluarkan oleh mana-mana negara dan wujud unsur perjudian dalam *mining bitcoin*. Selain itu volatiliti harga *bitcoin* yang ekstrim dan penggunaannya dalam pembiayaan keganasan merupakan risiko yang serius (Bodarenko, Kichuk & Antonov 2019; Mahomed & Mohamad 2017; Haq & Ali 2018). Mufti Wilayah Persekutuan, Zulkifli Mohamad al-Bakri (2018) turut memfatwakan bahawa penggunaan *bitcoin* sebagai mata wang adalah dilarang kerana tidak syarie.

ANALISIS *BITCOIN* MENURUT PERSPEKTIF *SIYĀSAH SHARĀ'ĪYAH*

Berdasarkan kepada pernyataan dan pandangan serta fatwa yang telah dikeluarkan berkaitan status *bitcoin* menurut neraca syarak dapat dilihat bahawa para ilmuan Islam telah berselisih pendapat dalam menentukan status *bitcoin*. Pandangan pertama berhujah harus menggunakan *bitcoin* dan mereka mengakui bahawa *bitcoin* memenuhi ciri-ciri mata wang seperti nilai, harga dan *mutaqawwim*. Mereka berpandangan bahawa:

1. Hukum asal penggunaan dan penerimaan *bitcoin* sebagai mata wang ada harus kecuali wujud dalil yang mengharamkan penggunaannya.
2. *Bitcoin* adalah *māl mutaqawwim* kerana realiti semasa menerimanya sebagai mata wang dan mempunyai nilai monetari.
3. Ketiadaan regulasi tidak menjadi masalah dalam praktikal *bitcoin* sebagai mata wang.

Pandangan kedua mengharamkan *bitcoin* dengan hujah:

1. *Bitcoin* tidak menepati ciri-ciri mata wang yang sah.
2. Terkandung unsur *gharar* dalam transaksi *bitcoin* yang membawa kepada *khaṭar* dan *darar*.
3. Ketiadaan badan berautoriti dalam meregulasi dan mengawasi *bitcoin*.
4. Sangat mudah dieksplotasi untuk kegiatan jenayah dan keganasan.
5. Volatiliti *bitcoin* yang sangat ekstrim membawa kepada spekulasi yang besar dan ketidakstabilan nilai.

Penggunaan *bitcoin* sebagai alat pembayaran alternatif dalam urus niaga secara umumnya adalah diharuskan berdasarkan kepada firman Allah (al-Quran, al-Baqarah 2: 275):

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا

Maksudnya: Dan Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba.

Penggunaan mata wang dalam urus niaga jual beli adalah halal menurut Islam selama urus niaga tersebut bersih dan suci dari riba yang dilarang oleh Islam. Pengharusan penggunaan *bitcoin* sebagai mata wang dalam urus niaga juga termasuk dalam kaedah pengharusan iaitu:

الأصل في الأشياء الإباحة

Maksudnya: Hukum asal bagi sesuatu perbuatan atau amalan adalah harus (Al-Suyuti 2006).

Penggunaan *bitcoin* sebagai alat pembayaran tergolong dalam *thawābit* yang mengharuskan namun hukum pengharusan tersebut boleh berubah jika wujud *mafsadah* yang lebih besar dari kadar *maṣlahah* yang disediakan. *Bitcoin* yang muncul sebagai mata wang disentralisasi pertama dalam sistem monetari yang tidak diterbitkan oleh mana-mana negara (Nakamoto 2008; Negurita 2014). Namun urusan percetakan dan penerbitan mata wang adalah hak mutlak pemerintah. Individu perseorangan tidak mempunyai hak dalam menerbit dan mencetak mata wang (Al-Bablāwi 1998; Al-Turkimāni 1988). Allah berfirman (al-Nisā' 4:59):

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada *ulī al-Amr* (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu.

Sahl al-Tustari menyatakan bahawa tujuh aspek dalam mentaati pemerintah iaitu penempatan mata wang, penetapan berat dan timbangan, keputusan hukum, haji, *jum'ah*, dua hari raya dan jihad pada jalan Allah (al-Qurtubi 2006). Oleh itu, perbuatan penerbitan mata wang tanpa izin pemerintah adalah menyalahi suruhan Allah dan menjadikan *bitcoin* perlu disekat dari terus digunakan sebagai mata wang.

Bitcoin tidak memenuhi ciri-ciri dan fungsi mata wang sebagai medium pembayaran, alat pengukur nilai dan alat penyimpan nilai. Sebagai medium pembayaran mata wang tersebut perlu diterima umum sebagai alat pembayaran (Sloman 2006). Namun status *bitcoin* sebagai mata wang dan alat pembayaran yang sah masih samar-samar kerana kebanyakan negara di dunia hanya meregulasi *bitcoin* sebagai aset digital bukan sebagai *legal tender*. Ketiadaan penerimaan umum sebagai *illat al-Thamaniah* menjadikan *bitcoin* tidak sah dijadikan sebagai medium pembayaran. Hal ini sangat berbeza dengan wang *fiat* kerana wang tersebut sudah diterima umum sebagai alat pembayaran dan *legal tender*. Penggunaan *bitcoin* sebagai alat pengukur dan penyimpan nilai adalah sangat tidak munasabah kerana setiap wang disyaratkan mempunyai nilai yang stabil dalam mengukur harga barangan dan nilai kekayaan. *Ibn Qayyim al-Jawziyyah* (1996) mengatakan:

الدينار والدرهم أثمان المبيعات والتمن هو المعيار الذي به يعرف تقويم الأموال

فيجب أن يكون محددًا مضبوطًا لا يرتفع ولا ينخفض.

Maksudnya: Dinar dan dirham adalah nilai barangan dan nilai tersebut merupakan pengukur nilai harta. Disyaratkan bagi setiap mata wang mempunyai nilai yang tetap dan tepat dan tidak mengalami volatiliti harga yang tinggi.

Bitcoin mempunyai nilai yang sangat tinggi, akan tetapi nilai *bitcoin* mengalami volatiliti yang

sangat ekstrim hingga menyebabkan berlaku perubahan harga barangan yang sangat mendadak jika *bitcoin* diterima sebagai alat pengukur dan penyimpan nilai yang sah. Justeru itu, praktikal volatiliti yang sangat ekstrim boleh mendatangkan kerugian kepada pengguna dan usahawan yang menggunakan *bitcoin* sebagai alat pengukur barangan dan penyimpan nilai kekayaan. Volatiliti yang sangat ekstrim juga menafikan *bitcoin* sebagai harta yang bernilai kerana setiap harta yang dimiliki dan disimpan perlu mempunyai nilai yang stabil. (Acharya, Thomas & Pani 2018; Bell & Parchomovsky 2005; Yermack 2014). Wang *fiat* yang digunakan sebagai alat pengukur nilai dan alat penyimpan nilai turut mengalami volatiliti harga namun volatiliti tersebut boleh dikawal kerana wujud badan berautoriti yang bertanggungjawab dalam mengurus dan mengawal selia wang tersebut.

Walaupun dikatakan *bitcoin* mata wang yang sangat mudah digunakan dengan hanya menggunakan internet, ketiadaan manifestasi fizikal *bitcoin* membawa kepada wujudnya unsur *gharar* dalam transaksi *bitcoin* (Abu Bakar, Rosbi & Uzaki 2017; Zahudi & Amir 2016). Abu Hurairah r.a meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:

نهى النبي صلى الله عليه وسلم عن بيع الحصاة وبيع الغرر.

Maksudnya: Nabi SAW melarang jual beli batu kerikil dan jual beli yang samar-samar (*gharar*). (Muslim, *Kitab al-Buyū'*, Bab *Buṭlān Bay' al-Ḥaṣāh wa al-Bay' alladhi fih gharar*).

Al-Nawawi (1994) mengatakan bahawa *bay' al-gharar* adalah jual beli hamba yang lari, jual beli barang yang tiada, jual beli barang yang tidak diketahui, jual beli barang yang belum menjadi milik penjual, jual beli ikan di dalam air, jual beli susu yang masih dalam kantung haiwan, jual beli janin binatang yang masih dalam perut, jual beli makanan dalam keadaan tidak jelas timbangan, jual beli barangan pakaian tanpa ditentukan jenis dan bentuk, menjual kambing yang dalam kawanan tanpa ditentukan. Kesemua jenis urus niaga tersebut adalah *bātil* kerana terdapat unsur *gharar*. Transaksi urus niaga menggunakan *bitcoin* sebagai alat pembayaran turut terkandung unsur *gharar fāhish* kerana ketiadaan manifestasi fizikal *bitcoin* yang mengkategorikan *bitcoin* sebagai *ma'qūd 'alaih* yang *majhūl*. Urus niaga *bitcoin* yang dijalankan secara *peer-to-peer* melalui rangkaian *blockchain* turut menimbulkan ketidakpastian dalam keadaan barang jualan yang akan diterima. Walaupun ketidakpastian keadaan barang dalam urus niaga *online* menggunakan wang *fiat* turut berlaku yang menatijahkan berlakunya ketidaksamaan jenis atau saiz dalam penerimaan barang atau penipuan pengguna boleh melaporkan keralatan tersebut kepada pihak berkuasa kerana wang *fiat* diregulasi dan dikawal selia oleh pihak pemerintah. Status wang *fiat* tetap jelas sebagai *ma'qūd 'alaih* tetap jelas kerana wang *fiat* wujud dengan manifestasi fizikal.

Penggunaan *bitcoin* sebagai alat pembayaran dalam urus niaga dilihat memberi *maslahah* kepada

penggunanya kerana *bitcoin* boleh digunakan pada bila-bila masa kerana operasi *bitcoin* tidak terikat dengan waktu urusan bank (Amarnath 2018). Konsep *peer-to-peer* turut memberi kelebihan kepada pengguna *bitcoin* kerana transaksi bebas dilakukan tanpa perlu melalui institusi perbankan sebagai pihak ketiga. Pengguna *bitcoin* tidak perlu membayar caj pekhidmatan transaksi seperti yang dikenakan dalam sistem kewangan tradisional. Selain itu, identiti pengguna *bitcoin* dilindungi oleh *anonymity* bagi memberi *freedom of purchase* kepada penggunanya. Namun penerapan konsep *anonymity* yang melindungi data peribadi membuka ruang kepada eksploitasi *anonymity* untuk kegiatan jenayah seperti pasaran narkotik, pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Contohnya laman web dadah *Silk Road* yang menjalankan perdagangan dadah menggunakan *bitcoin* sebagai alat pembayaran dan penangkapan pengarah urusan *BitInstant* pada Januari 2014 kerana melakukan pengubahan wang haram. Dicapit bahawa kegiatan pengubahan dan pemindahan wang secara haram menggunakan *bitcoin* bernilai lebih 6 bilion USD melibatkan 200000 pengguna di Amerika Syarikat. *AlphaBay*, pasaran web terbesar yang menawarkan sebanyak 350000 item yang menyalahi undang-undang seperti dadah, senjata, malware dan pornografi (Dynty & Dykyi 2018; Foley, Karlsen & Putnins 2019; Mills & Nower 2019; Xie 2019). Selain itu, manipulasi *anonymity* turut digunakan bagi membiayai dan mendanai aktiviti penganas *Daesh*. Salah satu hasi utama *Daesh* adalah 'sedekah' yang disumbangkan menggunakan mata wang maya dengan melakukan pemindahan *bitcoin* kepada akaun *bitcoin* milik *Daesh* (Hasbi & Mahzam 2018; Jawhar 2016; Sen & Akarslan 2018). Kegiatan jenayah yang berselindung di sebalik *anonymity bitcoin* sangat mudah dilakukan kerana kemustahilan dalam menjejak dan memantau pergerakan mata wang *bitcoin* (Bodarenko, Kichuk & Antonov 2019). Oleh itu, *bitcoin* perlu disekat kerana membuka ruang kepada mudarat dan *mafsadah* yang lebih besar dari *maslahah* kebebasan menjalankan transaksi. Kaedah *fiqh* menyebut:

الضرر يزال

Maksudnya: Kemudaratan mesti dihapus dan disekat (Al-Suyūṭi 2006).

Walaupun wang *fiat* turut dieksplotasi untuk membiayai aktiviti jenayah tetapi pengaliran wang *fiat* dapat dikesan kerana wang *fiat* tertakluk kepada regulasi pemerintah.

Dengan adanya *bitcoin* sebagai mata wang dan alat pembayaran bebas undang-undang, aktiviti yang tidak sihat seperti perjudian secara dalam talian tumbuh dan mekar bak bunga disiram bayu pagi. *Satoshi Dice* yang beroperasi sejak 2012 merupakan antara laman perjudian secara dalam talian yang sangat popular dalam kalangan komuniti maya dan direkodkan lebih dari 100 laman perjudian secara dalam talian seperti kasino, laman *poker*, permainan *bingo*, pertaruhan dan loteri yang menggunakan

bitcoin sebagai mata wang dan alat pembayaran (Bohme et al. 2015; Godsiff 2014; Kancs, Ciaian & Rajcianova 2015). Selain dari kewujudan laman perjudian *online* proses *mining bitcoin* juga menyumbang kepada *speculation* dan perjudian yang diharamkan. Jelas dalam Islam bahawa perjudian adalah perbuatan yang dilarang. Pelarangan aktiviti perjudian jelas disebut dalam firman Allah (al-Mā'idah, 5:90):

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ
الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya: Wahai orang yang beriman sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah adalah perbuatan keji dan perbuatan syaitan. Oleh itu, hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.

Walaupun wang *fiat* turut digunakan sebagai alat pembayaran dalam perjudian, namun pengaliran wang *fiat* tetap boleh dijejak dan dikawal serta disekat kerana wang *fiat* diselenggara pihak kerajaan berbeza dengan *bitcoin* yang dikawal oleh kriptograf dan setiap maklumat pengaliran *bitcoin* dilindungi oleh *anonymity*. Oleh itu, penggunaan *bitcoin* sebagai mata wang dan alat pembayaran perlu disekat kerana penggunaannya lebih banyak menyumbang kepada *mafsadah* yang akan membantutkan usaha meralisasikan konsep *hifz al-Māl*.

Pengguna *bitcoin* dibekalkan *virtual wallet* sebagai tempat simpanan *bitcoin* yang dimiliki. *Virtual wallet* sangat mudah dibawa kerana disimpan dalam telefon pintar dan akses *virtual wallet* sangat cepat kerana hanya menggunakan internet. *Virtual wallet* yang dimiliki dilengkapi dengan tahap sekuriti yang tinggi bagi mengelakkan kecurian atau kehilangan *bitcoin* yang dimiliki. Akan tetapi, *virtual wallet* sangat sensitif dan sering menjadi sasaran kepada penjenayah siber yang mengimplikasikan kecurian *bitcoin* yang disimpan walaupun *virtual wallet* dilengkapi dengan tahap sekuriti yang tinggi. Contohnya pada Februari 2014, pemilik *bitcoin* kehilangan *bitcoin* yang dimiliki semasa melakukan pertukaran di Mt. Gox akibat dari keralatan sistem. Disember 2013 menyaksikan 96000 *bitcoin* telah dicuri dari *Sheep Marketplace*, laman web dadah secara dalam talian di China. Januari 2018 menyaksikan *Coincheck* telah digodam dan mengakibatkan kehilangan *bitcoin* sebanyak 530 USD. Pada 7 Mei 2019 penggodam telah mencuri sebanyak 7000 *bitcoin* yang bernilai lebih dari 40 juta USD dari *Binance*, salah satu laman pertukaran mata wang kripto terbesar dunia (Corbet et al. 2019; Kancs, Ciaian & Rajcianova 2015; Kharpal 2019; Luther & White 2014; Yermack 2014). *Bitcoin* yang hilang akibat kecurian atau keralatan sistem tidak boleh didapatkan balik kerana sistem kewangan *bitcoin* menggunakan kaedah *irreversible*. Kaedah ini dilihat amat merugikan pengguna dan akan menyebabkan pengguna *bitcoin* akan jatuh mufliis

dalam sekelip mata (Zahudi & Amir 2016; Xie 2019).

Setelah dilihat kepada perbandingan *masalahah* dan *mafsadah* serta *munāqashah* antara hujah yang mengharuskan dan mengharam *bitcoin* dapat dilihat bahawa pandangan serta fatwa yang mengharamkan *bitcoin* adalah lebih tepat jika dibandingkan dengan pandangan yang mengharuskan *bitcoin*. Ini kerana apabila berlaku pertembungan antara *masalahah* dan *mafsadah* dalam praktikal *bitcoin*, mengekang dan menyekat *mafsadah* dari berulang lagi adalah lebih utama dari merealisasikan *masalahah* yang wujud. Kemustahilan dalam menjejak dan memantau pergerakan *bitcoin*, kesediaan *anonymity* dalam memberi perlindungan data bagi kegiatan jenayah serta sensitiviti *virtual wallet* terhadap jenayah siber merupakan antara *mafsadah* yang dijadikan hujah dalam menyekat dan mengharamkan penggunaan *bitcoin* walaupun wujud *masalahah* dalam *bitcoin*. Kaedah fiqh mengatakan bahawa:

دره المفاسد أولى من جلب المصالح

Maksudnya: Menghalang keburukan diutamakan daripada menarik kemaslahatan (Al-Suyuti 2006; Ibn Nujaym 1999).

Walaupun hukum penggunaan *bitcoin* pada asalnya adalah harus kerana dilandaskan dalil yang *thabit* namun perubahan hukum tersebut juga dilandaskan kepada dalil yang *thabit*. Perubahan hukum dari harus kepada haram dikeluarkan kerana *bitcoin* lebih menyumbang kepada *mafsadah* jika dibandingkan dengan *masalahah* yang dediaikan. Kaedah *sadd al-Dharā'ī* digunakan bagi menyekat keburukan daripada berlaku walaupun pada zahirnya ia kelihatan memberi beberapa kebaikan (Al-Zuhayli 2014). Langkah ini diambil bagi memastikan harta umat Islam terjaga dan suci dari unsur *gharar* dan *syubhah* bagi memastikan *hifz al-Māl* sentiasa tertegak.

KESIMPULAN

Dalam merealisasikan konsep *hifz al-Māl*, penggunaan *bitcoin* sebagai mata wang dan alat pembayaran alternatif perlu disekat dan dilupakan. Walaupun pelbagai inovasi baru diperkenalkan dalam sistem kewangan *bitcoin* yang memberi *masalahah* kepada penggunanya, namun dengan kewujudan *mafsadah* yang lebih besar skalanya menjadikan sekatan dan larangan kepada penggunaan *bitcoin* sebagai mata wang dan alat pembayaran. Kesediaan *anonymity* dalam melindungi data transaksi yang melibatkan aktiviti jenayah dan ditambah lagi dengan kemustahilan dalam memantau dan menjejak pergerakan *bitcoin* menjadi hujah dalam pengharaman *bitcoin* sebagai mata wang dan alat pembayaran.

Ketidakimunan *virtual wallet* sebagai tempat penyimpanan *bitcoin* dan sering menjadi sasaran penggodaman dan jenayah siber turut menjadi hujah tambahan dalam menyokong sekatan terhadap penggunaan *bitcoin* sebagai mata wang dan alat

- Dyntu, V. & Dykyi, O. 2018. Cryptocurrency in the System of Money Laundering. *Baltic Journal of Economic Studies*, Vol. 4(5), 2018, pp75-81.
- Elasrag, H. 2019. Blockchains for Islamic Finance: Obstacles & Challenges. *MPRA Paper*, No. 92676, pp1-39.
- Evans, C.W. 2015. Bitcoin in Islamic Banking and Finance. *Journal of Islamic Banking and Finance*, Vol 3, June 2015, pp1-11.
- Foley, S., Karlsen, J.R. & Putnins, T.J. 2019. Sex, Drug and Bitcoin: How Much Illegal Activity is Financed Through Cryptocurrencies? *The Review of Financial Studies*, Vol. 32(5), May 2019, pp1798-1853.
- Ghysels, E. & Nguyen, G. 2018. Price Discovery of a Speculative Asset: Evidence from a Bitcoin Exchange. *Kenan Institute of Private Enterprise Research Paper*, No. 18-31, pp1-49.
- Godsiff, P. 2015. Bitcoin: Bubble or Blockchain? *Agent and Multi-Agent Systems: Technologies and Applications*, pp191-203.
- Haq, H.B. & Ali, S.T. 2018. Navigating The Cryptocurrency Landscape: Islamic Perspective. *6th International Conference on Islamic and Liberty* (pp. 1-12). Islamabad: Islamic and Liberty Network.
- Hasbi, A.H & Mahzam, R. 2018. Cryptocurrencies: Potential For Terror Financing? *RSIS Commentary*, No. 075, 30 April 2018.
- al-Hay'ah al-Āmmah li al-Shu'ūn al-Islāmiyyah wa al-Awqāf. 2018. *Hukm al-Ta'āmul bi al-Bitkuwīn*. <https://www.awqaf.gov.ae/ar/Pages/FatwaDetail.aspx?did=89043>. [30 Januari 2018].
- Helms, K. 2019. French adopts new crypto regulation. <https://news.bitcoin.com/france-cryptocurrency-regulation/> [29 Mei 2019].
- Hurlburt, G.F. & Bojanova, I. 2014. Bitcoin: Benefit or Curse? *IEEE Computer Society*.
- Ibn Nujaym, Zayn al-Dīn ibn Ibrāhīm. 1419H/1999. *Al-Ashbāh wa al-Nazā'ir ʿala Madhhab Abī Ḥanīfah al-Nuʿmān*. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Muḥammad ibn Abi Bakr, Abi ʿAbd Allah, Shams al-Dīn. 1417H/1996. *Iʿlām al-Muwaqqiʿīn ʿan Rab al-ʿĀlamīn*. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Jawhar, J. 2016. *Terrorists' Use of the Internet: The Case of Daesh*. Kuala Lumpur: The Southeast Asia Regional Centre for Counter-Terrorism (SEARCCT).
- Jeans, E.D. 2015. Funny Money or the Fall of Fiat: Bitcoin and Forward-Facing Virtual Currency Regulation. *Colorado Technology Law Journal*, Vol 13, pp99-128.
- Kahf, M. 2017. *How Does Islam View Bitcoin and Other Cryptocurrencies?* <http://aboutislam.net/counseling/ask-the-scholar/financial-issues/islam-view-bitcoin-cryptocurrencies/>. [7 Desember 2017].
- Kancs, D., Ciaian, P. & Rajcianova, M. 2015. The Digital Agenda of Virtual Currencies: Can Bitcoin Become a Global Currency? *Publications Office of the European Union*, pp1-46.
- Kharpal, A. 2019. Hackers steal over \$40 million worth of bitcoin from one of the world's largest cryptocurrency exchanges. <https://www.cnn.com/2019/05/08/binance-bitcoin-hack-over-40-million-of-cryptocurrency-stolen.html> [8 Mei 2019].
- Kementerian Kewangan Malaysia. 2019. *Siaran Media: Penguatkuasaan Perintah Menetapkan Aset Digital Sebagai Sekuriti Bermula Esok*. Kuala Lumpur: <http://www.treasury.gov.my/index.php/galeri-aktiviti/siaran-media/item/4802-siaran-media-penguatkuasaan-perintah-menetapkan-aset-digital-sebagai-sekuriti-bermula-esok.html>. [14 Januari 2019].
- Library of Congress. 2018. Regulation of Cryptocurrency Around the World. *Legal Research Centre*, June 2018. <https://www.loc.gov/help/cryptocurrency/world-survey.php> [28 Mei 2019].
- Likhuta, V. et al. 2017. Bitcoin regulation: global impact, national lawmaking. <https://forklog.consulting/bitcoin-regulation-eng> [31 Mei 2019].
- Luther, W.J. & White, L.H. 2014. Can Bitcoin Become a Major Currency? *GMU Working Paper in Economics*, George Mason University, pp14-17.
- Luther, W. 2019. Regulatory Ambiguity in the Market for Bitcoin. *SSRN Electronic Journal*. https://paper.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract_id=3352894, pp1-26, [30 Mei 2019].
- Mahomed, Z. & Mohamad, S. 2017. *Crypto Mania: The Shariah Verdicts*. Kuala Lumpur: Centre for Islamic Asset and Wealth Management.
- Meera, A.K.M. 2018. Cryptocurrencies from Islamic Perspective: The Case of Bitcoin. *Bulletin of Monetary Economics and Banking*, Vol 20(4), pp475-492.
- Mills, D.J. & Nower, L. 2019. Preliminary Finding on Cryptocurrency Trading Among Regular Gamblers: A New Risk for Problem Gambling? *Addictive Behaviors*, Vol. 92, 2019, pp136-140.
- Muntadā al-Iqtisād al-Islāmi. 2018. *Bayān Muntadā al-Iqtisād al-Islāmiyy bi Sha'n Mashrū'iyat al-Bitkuwīn Bitcoin no 1/2018*. <https://ar.islamway.net/book/29586/>-بيان منتدى الاقتصاد الإسلامي بشأن مشروع البيتكوين [11 Januari 2018].

- Nakamoto, S. 2008. Bitcoin: A Peer-to-Peer Electronic Cash System. www.cryptovest.co.uk. [31 Oktober 2008].
- al-Nawawi, Yahya ibn Sharf, Muḥy al-Dīn. 1414H/1994. *Al-Minhāj fi Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim Ibn al-Ḥajjāj*. Kaherah: Mu'assasah Qurtubah.
- Negurita, O. 2014. Bitcoin - Between Legal and Financial Performance. *Contemporary Readings in Law and Social Justice, Vol 6*, pp242-248.
- NewsBTC. 2019. India banning bitcoin is becoming highly likely, new bill introduced. <https://www.newsbtc.com/2019/04/26/india-banning-bitcoin-is-becoming-highly-likely-new-bill-introduced> [30 Mei 2019].
- Pragoyo, G. 2018. Bitcoin Regulation and the Importance of National Legal Reform. *Asian Journal of Law and Jurisprudence, Vol. 1(1), Jun 2018*, pp1-9.
- al-Qaradāwī, Yūsuf. 1421H/2000. *Fi Fiqh al-Awlawiyyāt Dirāsah Jadīdah fi Ḍaw' al-Qur'ān wa al-Sunnah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- al-Qurtūbi, Muḥammad ibn Aḥmad ibn Abi Bakr, Abi °Abd Allah. 1427H/2006. *Al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān wa al-Mubīn limā Taḍammanahu min al-Sunnah wa Āy al-Furqān*. Beirut: Mu'assasat al-Risālah.
- al-Raysūni, Aḥmad. 1431H/2010. *Madkhal ila Maqāshid al-Shar'ah*. Mansoura: Dār al-Kalimah.
- Sen, O. & Akarslan, H. 2018. Use of Blockchain Technology in the Financing of Deash. *International Journal of Information Security Science, Vol 7(4)*, pp185-197.
- Sloman, J. 2006. *Economics*. England: Pearson Education Limited.
- al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn °Abd al-Raḥmān. 1427H/2006. *al-Ashbāh wa al-Nazā'ir fi Qawā'id wa Furū' al-Shāfi'iyah*. Kaherah: Dār al-Salām.
- al-Turkimānī, °Adnān Khālid. 1409H/1988. *Al-Siyāsah al-Naqdiyyah wa al-Maṣrafiyyah fi al-Islām*. Beirut: Mu'assasat al-Risālah.
- Xie, R. 2019. Why China Had to "Ban" Cryptocurrency but the U.S. did not: A Comparative Analysis of Regulations on Crypto-Markets Between the U.S. and China. *Washington University Global Studies Law Review, Vol. 18(2)*, pp457-492.
- Yermack, D. 2014. Is Bitcoin a Real Currency? An Economic Appraisal. *NBER Working Paper No. 19747*.
- Zahudi, Z.M. & Amir, R.A.T.R. 2016. Regulation of Virtual Currencies: Mitigating the Risks and Challenges Involved. *Journal of Islamic Banking and Finance, Vol 5*, 63-73.
- Zhang, L. 2018. Regulation of Cryptocurrency: China. In Library of Congress, *Regulation of Cryptocurrency in Selected Jurisdictions Jun 2018*. <https://www.loc.gov/law/help/cryptocurrency/index.php> [31 Mei 2019].
- Zhao, W. (2019). Facebook to roll out 'GlobalCoin' cryptocurrency in 2020: Report. <https://www.coindesk.com/facebook-to-roll-out-globalcoin-cryptocurrency-in-2020-report-says> [30 Mei 2019].
- al-Zuḥayli, Wahbah. 1435H/2014. *Al-Wajīz fi Uṣūl al-Fiqh*. Damsyik: Dār al-Fikr.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2018. *Bayan Linnas #153: Hukum Penggunaan Mata Wang Bitcoin*. <http://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/2773-bayan-linnas-153-hukum-penggunaan-mata-wang-bitcoin>. [15 November 2018].

Muhammad Amir Husairi Che Rani
Pelajar Pascasiswazah
p87045@siswa.ukm.edu.my
Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
MALAYSIA.

Ahmad Dahlan Salleh
dahlan@ukm.edu.my
Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
MALAYSIA.

KANDUNGAN / CONTENTS

The Latest Amendments in the Foreign Investment Law in Saudi Arabia Sarah Alshahrani	1-7
Ciri-Ciri Akhlak Usahawan Muslim Berjaya dan Hubungannya Dengan Cara Berkembangnya Harta serta Matlamat Hidup Menurut Perspektif Al-Qur'an <i>The Conduct of Successful Muslim Entrepreneurs and its Relation with Wealth Accumulation Ways and Purpose of Life from the Quranic Perspective</i> Suhaila Nadzri, Salmy Edawati Yaacob	8-17
Pengabaian Kanak-Kanak dan Jaminannya Menurut Syarak dan Undang-Undang di Malaysia <i>Child Neglect and Legal Protection According to Shariah and Law in Malaysia</i> Nurul Izzah Izzati Hashim, Wafaa' Yusof, Zuliza Mohd Kusrin	18-28
Bitcoin: Analisis Mata Wang Maya Menurut Perspektif Siyāsah Shar'iyah <i>Bitcoin: An Analyst on Virtual Currency from Siyasa Shar'iyah Perspective</i> Muhammad Amir Husairi Che Rani, Ahmad Dahlan Salleh	29-40

Journal of Contemporary Islamic Law

(2019)Vol. 4(1)

Editor-In-Chief

Assoc. Prof. Dr. Mohd Al Adib Samuri

Co-Editor

Assoc. Prof. Dr. Salmy Edawati Yaacob

Secretary

Dr. Nurul Ilyana Muhd Adnan

Senior Editors

Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad

Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad

Assoc. Prof. Dr. Shofian Ahmad

Assoc. Prof. Dr. Zaini Nasohah

Assoc. Prof. Dr. Iknor Azli Ibrahim

Assoc. Prof. Dr. Zuliza Mohd Kusrin

Chief Managing Editor

Dr. Mat Noor Mat Zain

Arabic Copy Editor

Anwar Fakhri Omar

Bahasa Copy Editor

Dr. Mohd Zamro Muda

Md. Yazid Ahmad

Editor

Dr. Mohammad Zaini Yahaya

Dr. Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani

Dr. Azlin Alisa Ahmad

Dr. Mohd Hafiz Safiai

Published by:

Centre for Contemporary Fiqh and Sharia
Compliance,

Faculty of Islamic Studies,

Universiti Kebangsaan Malaysia,

43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Suggested citation style:

Author, (2019), Title, Journal of Contemporary
Islamic Law, 4(1), pages, <http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

Copyrights:

This work is licensed under a Creative Commons
Attribution-Noncommercial-No Derivative Works
3.0 Unported License

(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>).

You can download an electronic version online. You
are free to copy, distribute and transmit the work
under the following conditions: Attribution – you
must attribute the work in the manner specified by
the author or licensor (but not in any way that
suggests that they endorse you or your use of the
work); Noncommercial – you may not use this work
for commercial purposes; No Derivate Works – you
may not alter, transform, or build upon this work.